HARIAN METRO
TARIKH 07 SEP 2019

HARIAN METRO
7.9.2019 (SABTU)
PG: 22

# Persimpangan Bertingkat Bandar Gamuda Cove dibuka




**BARU Bian (lima dari kiri) merasmikan Persimpangan Bertingkat Bandar Gamuda Cove. Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Berhad, Datuk Lin Yun Ling (empat dari kiri), Pengarah Eksekutif Gamuda Land, Datuk Abdul Sahak Safi (tiga dari kanan) di Plaza Tol Bandar Gamuda Cove, Sepang, semalam.**



**PERSIMPANGAN Bertingkat Bandar Gamuda Cove memudahkan perjalanan orang ramai.**

**Sepang:** Persimpangan Bertingkat Bandar Gamuda Cove di Kilometer 26.7, Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (Elite), di sini, mula dibuka kepada pengguna bermula jam 11 malam, semalam.

Menteri Kerja Raya, Baru Bian berkata, ia satu lagi komitmen kerajaan bagi menyediakan kemudahan terbaharu untuk kegunaan rakyat.

Menurutnya, kerajaan sedar lebuh raya memainkan peranan besar sebagai pemangkin pembangunan negara malah pertumbuhan kawasan sekitar juga dapat dilaksanakan lebih pantas.

"Kajian membuktikan kawasan dilengkapi akses terus ke lebuh raya seperti persimpangan bertingkat ini mencatatkan kadar pertumbuhan yang drastik dan lebih cepat berbanding kawasan lain.

"Persimpangan baharu ini pastinya akan menjana kemajuan dan membantu pembangunan di kawasan sekitar seperti persimpangan bertingkat yang dibuka sebelum ini seperti Bandar Serenia, Bandar Southville, Alor Pongsu, Bukit Gambir, Sungai Buaya dan kawasan lain di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan," katanya berucap pada perasmian Persimpangan Bertingkat Bandar Gamuda Cove di sini, semalam.

Projek pembinaan Persimpangan Bertingkat Bandar Gamuda Cove bermula 9 Januari 2017 dan siap pada 25 Julai lalu dengan kos RM150 juta.

Ia dilengkapi dengan plaza tol berkapasiti 12 lorong, tandas awam, surau, wakaf selain kawasan meletak kenderaan bagi memastikan pengguna lebuh raya dapat menikmati perjalanan lebih lancar dan selesa.

Baru berkata, selepas ia dibuka, perjalanan orang ramai di kawasan Dengkil juga akan menjadi lebih mudah kerana persimpangan bertingkat itu menyediakan akses terus ke Elite dan secara tidak langsung memendekkan perjalanan serta menghubungkan penduduk di sini dengan kawasan sekitar.